

20 DEC, 2022

## Perbankan digital permudah urusan LHDNM kutip cukai

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Perbankan digital permudah urusan LHDNM kutip cukai

Oleh Prof Madya Dr Mohd Rizal Palil



Timbalan Pengarah Eksekutif (Data Strategik), Pejabat Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Bank Negara Malaysia (BNM) telah memberikan lesen perbankan digital di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) kepada lima konsortium pada April 2022.

Perkhidmatan perbankan digital ini dijangka akan mula dilaksanakan di Malaysia seawal Jun 2023.

Fungsinya hampir sama dengan bank tradisional tetapi menggunakan konsep baharu yang menerapkan teknologi, iaitu sistem kecerdasan buatan atau *artificial intelligent* dan kini perkhidmatannya telah mula berkembang pesat ke seluruh dunia.

### Mewujudkan lebih ramai entiti tertakluk cukai pendapatan

Perbankan internet hanya tertumpu kepada urusan perbankan oleh pengguna tanpa perludar ke kaunter bank. Tetapi bagi perbankan digital, ia adalah transformasi dalam industri perbankan secara keseluruhan merangkumi ekosistem yang didigitalkan untuk meningkatkan operasi perbankan termasuk dari segi kepentingan berurusan, keselamatan kewangan, ketepatan maklumat perbankan dan kemudahan aplikasi.

Pelaksanaan perbankan digital ini memberi peluang kepada perniagaan berskala kecil, terutamanya apabila transformasi perbankan itu memudahkan lagi untuk mereka menyimpan rekod perniagaan dengan teratur dan mendapatkan pinjaman kewangan bagi perniagaan masing-masing.

Kemudahan pinjaman yang diperoleh ini akan merancakkan lagi ekonomi negara dan seterusnya dapat membantu meningkatkan keuntungan perniagaan mereka.

Perubahan ini sekali guna memberi implikasi positif untuk jangka panjang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) apabila kutip cukai semakin meningkat dengan bertambahnya bilangan pembayar cukai yang terdiri daripada golongan peniaga ini.

### Data pelanggan perbankan digital bantu LHDNM kenal pasti maklumat pembayar cukai

Tanpa pelanggan, sesebuah perniagaan itu tidak akan berjaya. Begitu juga dengan kedudukan perbankan digital. Tanpa pelanggan, sesebuah bank tidak mampu berkembang sekiranya tiada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan bank itu untuk urus niaga mereka.

Di Malaysia, golongan peniaga sama ada kon-

vensional maupun dalam talian adalah pelanggan terpenting dalam menyokong perkembangan bank digital di Malaysia.

Berdasarkan kajian oleh VISA, 68 peratus daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) cenderung ke arah penggunaan perbankan digital yang lebih pantas, mudah dan perkhidmatannya tersedia 24 jam sehari.

Ini membantu LHDNM untuk lebih mudah mengetahui pasti entiti yang tertakluk kepada cukai pendapatan berdasarkan kepada data pelanggan termasuk peniaga yang menggunakan perbankan digital.

### Urus niaga dalam talian – Kelebihan kepada LHDNM

Rakyat Malaysia kini lebih cenderung kepada pembelian secara dalam talian yang lebih mudah dan menjamin masa kerana semua transaksi dilakukan secara maya.

Bukan itu sahaja, pembelian secara dalam talian memberi peluang kepada pembeli untuk membuat perbandingan harga terhadap sesuatu barang yang ingin dibeli dengan membuat carian di laman-laman jualan yang berkaitan.

Urus niaga secara dalam talian melalui bank digital ini memberi kelebihan kepada LHDNM untuk melaksanakan audit cukai bagi perniagaan yang terabit.

Bukan itu sahaja, pihak yang terabit dalam urus niaga itu lebih mudah untuk dikenal pasti melalui urus niaga digital berbanding urus niaga menggunakan wang kertas.

Seterusnya, kutipan cukai akan menjadi lebih mudah dan pantas melalui proses pembayaran secara digital ini.

### Fungsi bank digital tangani aktiviti ekonomi bayangan

Aktiviti ekonomi bayangan yang juga dikenal sebagai pengelakan cukai berlaku apabila pembayar cukai melarikan diri daripada pihak berkuasa cukai untuk membayar cukai, dengan menyembunyikan transaksi kewangan mereka yang sebenar.

Aktiviti ini termasuklah tidak melaporkan pendapatan, tidak merekodkan transaksi tunai atau menggunakan kaedah lain tanpa resit serta menyembunyikan wang, saham atau aset lain dalam akaun bank luar pesisir.

Bukan itu sahaja, golongan yang terabit dengan aktiviti ini juga akan memalsukan perbelanjaan peribadi mereka sebagai perbelanjaan perniagaan kerana perbelanjaan itu dibenarkan untuk ditolak dalam pengiraan pendapatan bercukai atau me-

nuntut eluan berkenaan harta syarikat yang digunakan untuk kegunaan peribadi tanpa alasan perniagaan yang sah.

Aktiviti ini boleh mengakibatkan kerugian besar terhadap hasil kutipan cukai kepada kerajaan.

Kerajaan menganggarkan saiz ekonomi bayangan di Malaysia adalah sekitar 21 peratus daripada Kekuruan Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Ekonomi bayangan juga akan menjadikan kreditabiliti normal sosial dan sistem percutiahan dalam menyokong pematuhan cukai secara sukarela yang akan menyebabkan kutipan cukai tidak dapat diukur sepenuhnya.

Pemain dalam aktiviti ekonomi bayangan ini tidak adil kepada pembayar cukai yang jujur dan tidak terabit dalam ekonomi bayangan.

Dengan wujudnya perbankan digital ini, ketidakadilan ini boleh dielakkan supaya pembayar cukai membayar cukai yang sepatutnya dan semua urus niaga akan direkodkan dengan tepat, sekali gus dapat disemak semula sekiranya diperlukan.

Risiko ketidakpastian cukai dapat dikurangkan dan seterusnya mampu meningkatkan kutipan cukai demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara.

### Memudahkan semakan pelaporan pendapatan

Kemudahan sumber data yang tepat dan tersedia melalui urus niaga bank digital memudahkan proses tindakan semakan pelaporan pendapatan oleh pihak LHDNM.


Kebiasaannya, LHDNM mempunyai kesukaran untuk mendapatkan maklumat pendapatan dan dokumen pembuktian daripada pembayar cukai yang gagal atau terkurang dalam melaporkan pendapatan kerana perkara ini dilindungi oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Menerusi kerjasama daripada pengendali bank digital, semua proses semakan dan pembuktian data dapat dilakukan dengan mudah serta pantas untuk tujuan kutipan cukai yang tepat.

Kesimpulannya, gabungan antara mekanisme yang wujud dalam perbankan digital dan kempen kesedaran cukai yang sentiasa dilaksanakan oleh LHDNM dari semasa ke semasa pastinya mampu meningkatkan tahap pematuhan cukai khususnya individu terabit dengan perniagaan secara dalam talian.

Ciri-ciri khas perbankan digital yang mampu mengetahui pasti semua urus niaga yang dijalankan oleh individu atau entiti dengan hanya di hujung jari ini yang memudahkan urusan kutipan cukai oleh LHDNM dan seterusnya dapat menjamin sasaran kutipan cukai tahunan dapat dicapai.



A large black rectangular redaction box occupies the top left corner of the page.

20 DEC, 2022

## Perbankan digital permudah urusan LHDNM kutip cukai

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Timbalan Pengarah Eksekutif (Data Strategik), Pejabat Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Bank Negara Malaysia (BNM) telah memberikan lesen perbankan digital di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) kepada lima konsortium pada April 2022. Perkhidmatan perbankan digital ini dijangka akan mula dilaksanakan di Malaysia seawal Jun 2023.